

09 NOV 1998

Keluarga-Selesa

SIKAP TIDAK MEMBAZIR BOLEHKAN KELUARGA ABDUL RAZAK HIDUP SELESA

PADANG BESAR, 9 Nov (Bernama) -- Sikap berhati-hati dalam perbelanjaan yang menjadi pegangan hidup seorang peneroka Felda, Abdul Razak Deris dan keluarga telah meletakkan mereka sebagai antara keluarga yang hidup selesa di negara ini.

Abdul Razak, 44, yang menetap di No 251, Blok 11, Felda Mata Ayer dekat sini sejak 1984 terpilih sebagai pemenang ketiga anugerah Keluarga Hidup Selesa sempena sambutan Hari Pengguna peringkat kebangsaan pada 6 Nov lalu.

Beliau yang berpendapatan kira-kira RM1,200 hasil kegiatan ladang dan sebagai pemandu teksi adalah pemenang pertama bagi anugerah keluarga hidup selesa peringkat negeri Perlis tahun ini.

Hari ini, Abdul Razak dan isteri, Siti Zamrah Samad, 44, menerima kunjungan para pegawai Syarikat Padiberas Nasional Bhd (Bernas) yang menyampaikan hadiah 20 kilogram beras serta barangan makanan kepada keluarga itu.

Sumbangan disampaikan oleh Pengurus Kompleks Bernas Kuala Perlis, Abdul Rahim Ishak dengan disaksikan para pegawai kanan Bernas Perlis di kediaman keluarga itu hari ini.

Abdul Razak, bapa kepada empat anak yang berusia antara 9 dan 19 tahun berkata bahawa beliau begitu selesa dengan pendapatan sebanyak itu meskipun ia dianggap tidak memadai bagi menampung keluarganya.

"Saya amat berhati-hati dan tidak menjadikan jenama terkenal sebagai pilihan ketika berbelanja," katanya semasa ditemui di kediamannya yang masih kekal dengan imej rumah peneroka Felda.

Beliau bersyukur kerana dapat menyediakan segala kemudahan dan keselesaan kepada keluarganya dan sikap jimat berbelanja turut mengalir di jiwa anggota-anggota keluarganya.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Am Bernas, Munaliz Musa berkata, sebanyak 200 kilogram beras serta pelbagai jenis makanan diperuntukkan sebagai hadiah tambahan kepada enam penerima anugerah itu di peringkat kebangsaan.

Pada 6 Nov lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu kepada enam penerima terbabit sempena sambutan hari pengguna peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Abdul Razak adalah antara tiga penerima anugerah utama kategori keluarga hidup selesa manakala tiga penerima lagi adalah bagi kategori ibu tunggal cemerlang.

-- BERNAMA

AD PR